



---

**SURAT EDARAN PENTADBIRAN  
BILANGAN 5 TAHUN 2019**

---

**LARANGAN PENGLIBATAN  
DALAM POLITIK KE ATAS PEGAWAI  
KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI,  
PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN  
DAN PROFESIONAL**

Pejabat Pendaftar  
**16 April 2019 | 10 Syaaban 1440H**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.03/100-3/2/3 ( 14 )

16 APRIL 2019  
10 SYAABAN 1440H

## SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 5/2019

### **LARANGAN PENGLIBATAN DALAM POLITIK KE ATAS PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Edaran Pentadbiran (SEP) ini bertujuan memberi peringatan semula kepada semua staf UTeM mengenai keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2010 yang telah bersetuju untuk menerima pakai secara keseluruhannya surat yang dikeluarkan oleh JPA bernombor rujukan JPA(S)TT.271 Klt.12/(15) bertarikh 6 April 2009 mengenai Larangan Penglibatan Dalam Politik ke Atas Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Untuk makluman, SEP Bil. 2 Tahun 2010 bertarikh 25 Mac 2010 telah memaklumkan Peraturan 21 (I), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Pegawai Awam dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah **dilarang daripada mengambil bahagian dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik.**

2.2 Secara khususnya Pegawai dalam kategori tersebut tidak boleh:

- i. Membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah atas apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti politik;

- ii. Menerbitkan atau mengedarkan buku, majalah atau risalah yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- iii. Terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon pada suatu pilihan raya kecil, atau apa-apa pilihan raya untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- iv. Bertindak sebagai agen pilihan raya atau agen tempat mengundi;
- v. Masuk bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau
- vi. Memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

### 3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Sehubungan dengan peraturan yang dinyatakan, pihak Universiti memandang serius penglibatan Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam aktiviti politik. Penglibatan Pegawai tersebut dalam aktiviti politik adalah bertentangan dengan prinsip '*neutrality*' dan '*impartiality*' yang diamalkan dalam perkhidmatan awam. Keadaan ini juga boleh membawa suasana yang tidak harmoni di tempat kerja.
- 3.2 Semua Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional di UTeM hendaklah mengambil perhatian terhadap perkara ini agar **tidak terlibat** dalam aktiviti politik sebagaimana yang dinyatakan di atas.
- 3.3 Sekiranya terdapat mana-mana Pegawai yang mengingkari arahan ini, **tindakan tatatertib** boleh dikenakan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MASDZARIF BIN MAHAT**

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

sya/uddp/bgpo